

## **Sejarah Penubuhan Maktab Perguruan Sarawak (MPS)**

Setelah menyelidiki perkembangan pelajaran di negeri Sarawak, E. W. Woodhead telah mengemukakan laporan "Education In Colonial Sarawak Report, yang kemudiannya dikenali sebagai Laporan Woodhead pada tahun 1954. Dalam laporan berkenaan, beliau telah mengesyorkan pembiayaan pelajaran dan penyusunan semula pentadbiran pelajaran, termasuk pentadbiran sekolah-sekolah beraliran bahasa Cina, khasnya mengenai latihan perguruan guru-guru untuk sekolah-sekolah beraliran bahasa Cina.

Sebelum ini, amalan yang dilakukan ialah bakal-bakal guru bahasa Cina yang telah dipilih dihantar ke Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching untuk mendapat latihan bersama-sama dengan bakal-bakal guru bahasa Inggeris. Namun, bilangannya amatlah sedikit. Selain itu, tidak diwujudkan satu unit bahasa Cina khas bagi tujuan berkenaan. Tambahan pula, bahasa Cina tidak ditawarkan sebagai satu mata pelajaran. Memandangkan keadaan yang tidak meyakinkan pihak sekolah-sekolah beraliran bahasa Cina ini, maka Pemangku Pegawai Pelajaran Bahagian, Bahagian Ketiga pada ketika itu, iaitu Encik Tsu Kwong Tai, dan Encik Ting Kwong Yu telah mencadangkan kepada kerajaan waktu itu agar dibina sebuah pusat latihan perguruan di Sibu bagi tujuan melatih guru-guru bahasa Cina. Cadangan ini telah diterima oleh pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Pelajaran pada ketika itu, iaitu Encik G. H. Rackham, dan Encik Tsu telah diberi tanggungjawab untuk mencari tapak bagi pembinaan pusat latihan berkenaan. Menurut Encik Tsu, tapak di Jalan Desa, Sibu dipilih kerana pada waktu itu, kerja-kerja pembinaan lapangan terbang Sibu telah giat dilalankan dan pemilihan tapak berkenaan dapat mengurangkan masalah bekalan air dan elektrik.

Jabatan Kerja Raya ditugaskan untuk merekabentuk pusat latihan berkenaan dan pembinaannya mengambil masa lebih kurang 2 tahun. Pusat ini yang terletak di tepi Jalan Teku, Sungai Aup, Sibu, dengan jaraknya lebih kurang 8 kilometer dari bandar Sibu, kemudiannya dinamakan Maktab Perguruan Sarawak (MPS). MPS mula beroperasi pada bulan April, tahun 1957.

Pusat ini pada waktu permulaannya hanya terdiri daripada 2 bilik kuliah, sebuah dewan makan yang juga berfungsi sebagai dewan perhimpunan, sebuah asrama lelaki dan sebuah asrama perempuan. Bilik staf dan pejabat am terletak di atas pentas dewan. Encik Ting Kwong Yu dilantik sebagai pengetua pertama MPS, iaitu dari tahun 1957 sehingga persaraan beliau pada tahun 1960. Beliau dibantu oleh tujuh (7) orang pensyarah.

Bangunan-bangunan yang tersedia ada itu kemudiannya ditambah pada tahun berikutnya, iaitu perpustakaan, makmal sains, pejabat am, bilik pengetua, bilik pertukangan kayu, bilik seni tembikar, stor, rumah pensyarah dan sebuah tempat letak kereta.

## **Kursus Perguruan Di MPSS**

Pengambilan guru pelatih yang pertama hanya 52 orang yang semuanya berasal dari sekolah-sekolah aliran bahasa Cina yang berkelulusan "Chinese Junior" dan "Chinese Senior". Mereka ini dilatih untuk menjadi guru di sekolah-sekolah rendah aliran bahasa Cina. Kursus perguruan permulaan ini adalah bagi tempoh dua (2) tahun dan mengutamakan perkaedahan mengajar "modern" dan pembentukan disiplin bakal guru. Kumpulan pertama ini bergraduasi pada 12 Mei 1958. Empat (4) tahun kemudian, iaitu pada tahun 1961, MPS telah memulakan latihan perguruan dua (2) tahun bagi guru-guru yang akan mengajar di sekolah-sekolah rendah aliran bahasa Inggeris. Ambilan pertama program ini hanya seramai 21 orang.

Pada tahun 1965, MPS telah memulakan kursus "Regrading" dua (2) tahun untuk melatih guru-guru yang tidak terlatih tetapi telah lama berkhidmat sebagai guru. Pengambilan kumpulan pertama kursus ini hanya 25 orang guru tidak terlatih yang telah berkhidmat di sekolah-sekolah aliran bahasa Cina selama 5 - 10 tahun. Program ini kemudiannya dipanjangkan juga untuk merangkumi guru-guru terlatih yang mengajar di sekolah beraliran Bahasa Inggeris pada tahun-tahun berikutnya. Kursus "regarding" dijalankan sehingga tahun 1973, iaitu setelah kajian semula latihan perguruan dan pengenalan Rancangan Perguruan Bersepadu dilancarkan di Sarawak.

Pada tahun 1974, Kursus Asas Dua Tahun dimulakan dan MPS telah menawarkan Kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-Kanak. Ambilan pertama kursus ini hanya seramai 47 orang. Bahasa Interaksi kuliah ialah Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina diajar sebagai mata pelajaran pilihan. Pada tahun 1976, kursus ini juga dijalankan dalam Bahasa Melayu. Latihan perguruan untuk bakal guru sekolah rendah aliran bahasa Malaysia bermula pada tahun 1977 dan pada tahun 1979, semua kuliah dijalankan dalam bahasa Malaysia kecuali bahasa Inggeris dan bahasa Cina.

## **Sejarah Institut Perguruan Sarawak [1983 - 2007]**

Pada penghujung tahun 1982, seluruh warga MPS telah berpindah secara keseluruhan ke bandar Miri, dan bermula beroperasi dengan sepenuhnya di tapak baru ini pada tahun 1983.

Kursus perguruan tiga tahun, iaitu Kursus Pendidikan Peringkat Awal Kanak-Kanak (PPAK) dalam bidang pengkhususan Pengajian Melayu, Pengajian Inggeris, dan Pengajian Cina. Kursus PPAK tiga tahun [6 semester] ini digantikan dengan Kursus Perguruan Asas Dua Tahun Setengah (KPA) mulai tahun 1984/5 juga 6 semester, semester keenam, Praktikum/Latihan Mengajar sepenuhnya. Kursus KPA ini kemudiannya digantikan dengan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) pada tahun 1998 sehingga tahun 2004. KDPM. Kursus Diploma Perguruan Malaysia. Ambilan terakhir adalah pada bulan Ogos 2004. KDPM digantikan pula dengan program latihan perguruan 5 Tahun Setengah, iaitu Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), selama Setahun Setengah, diikuti dengan Program Perguruan Pendidikan Rendah Pengajian 4 Tahun (PPRP4T), selama 4 tahun. Pada bulan Julai 2004, ambilan pertama program perguruan ini yang seramai 20 orang mula berkursus di MPSSM. Kursus ini berterusan sehingga

kini, dan dijangka akan diteruskan seiring dengan sasaran kerja utama dan teras-teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Selain daripada kursus-kursus ini, MPSM juga turut menawarkan kursus latihan perguruan bagi mereka yang berijazah pertama, mulai tahun 2002, iaitu Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Kursus ini adalah bagi mereka yang berkelulusan ijazah pertama atau lebih tinggi untuk memperolehi Diploma Perguruan untuk membolehkan mereka dilantik sebagai guru yang terlatih.

Sempena dengan penaiktarafan maktab perguruan kepada status Institut Pendidikan Guru (IPG), IPS memulakan kursus ijazah sarjana muda sains pertamanya, pada bulan Januari 2006. Kumpulan pelatih ini mengikuti program ini dengan menggunakan struktur pengajian dan kurikulum Universiti Terbuka Malaysia. Kohort kedua program ini yang bermula pada Januari 2007, menggunakan struktur pengajian dan kurikulum yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Selain itu, kursus-kursus dalam perkhidmatan (KDP), seperti KDP 2 Minggu, KDP 4 minggu, dan KDP 14 minggu turut dijalankan.